

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan virus selesema seperti SARS di China

KKM saring pintu masuk

Prosedur awal
berta-merta
cegah,
pantau virus

oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan prosedur saringan dan pemantauan di setiap pintu masuk antarabangsa, berkuat kuasa serentak susulan penularan virus selesema dilaporkan mempunyai persamaan dengan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS). Selari langkah pemantauan, seakan penggunaan antiviral di tiap negeri turut dijalankan bagi meneliti kewujudan gejala pneumonia atau jangkitan paru-paru, terutama membabitkan individu yang pernah melawat daerah Wuhan, China. Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan berkata, pihaknya kini giat memantau po-

la kejadian penyakit seperti influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di seluruh negara.

Katanya, pihaknya juga sedang berhubung dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai laporan terbabit, malah penyiasatan masih dilaksanakan pihak berkuasa kesihatan di China dan mereka tidak dapat mengesahkan jenis patogen yang menyebabkan penyakit berkenaan.

“Ada pelbagai punca berpotensi menyebabkan viral pneumonia, kebanyakannya lebih lazim daripada koronavirus (sekumpulan virus yang menyebabkan pelbagai penyakit kepada manusia dan binatang) SARS.

“WHO kini giat memantau kes ini dan sebarang perincian lanjut akan dikemukakan dari semasa ke semasa. Sementara belum memperoleh maklumat mengenai kejadian di China daripada WHO, kementerian akan melaksanakan langkah berkaitan.

“Ia termasuk memantau pintu masuk antarabangsa dengan memastikan pengembara yang tiba melalui saringan demam sedia

ada dan jika positif, pemeriksaan perlu dilakukan semula di pusat kuarantin.

“Sekiranya disyaki menghidap penyakit berjangkit, mereka perlu dirujuk ke pusat kesihatan berhampiran mengikut prosedur saringan demam di pintu masuk antarabangsa sedia ada dan memastikan IPC (kawalan dan pencegahan jangkitan) dipatuhi,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Pusat Perubatan Gleneagles Pulau Pinang pada Sabtu lalu mengeluarkan memorandum kepada semua petugas untuk me-

laksana langkah pencegahan dan pemantauan terhadap pesakit susulan penularan wabak pneumonia seperti SARS di China.

Berdasarkan laporan *Reuters*, China menegaskan wabak pneumonia yang mengorbankan 59 nyawa setakat ini bukan SARS, iaitu punca penyakit sehingga merekodkan ratusan orang terbunuh sedekad lalu.

Suruhanjaya Kesihatan Wuhan berkata, wabak itu sudah dipastikan bukan selesema, selesema burung, adenovirus, SARS atau Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS).

Berdasarkan rekod suruhanjaya itu, tujuh daripada 59 pesakit mengalami sakit teruk, tetapi tiada yang maut setakat ini, sebaliknya mereka dikuarantin dan sedang menerima rawatan.

Jangkitan terbabit dilaporkan berlaku antara 12 hingga 29 Disember babitkan beberapa pesakit bekerja di pasar makanan laut di Wuhan, yang kini ditutup untuk proses nyahkuman.

Setakat ini, tiada bukti menunjukkan wujud jangkitan daripada manusia kepada manusia.

Pihak kami kini giat memantau pola kejadian penyakit seperti influenza dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk di seluruh negara.

Kenyataan Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

'Tiada syarikat dapat lesen jual air zam zam'

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai tidak membeli air dilabel sebagai air zam zam di pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub mengikut Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Pengimportan air mineral semula jadi perlu lesen punca air KKM selepas mendapat pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

"Dalam hal ini, Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan itu kerana air zam zam tidak boleh diperdagangkan. Justeru, tiada pengedar atau syarikat mendapat lesen bagi pengimportan dan penjualan air zam zam," katanya dalam kenyataan dilaporkan *BERNAMA* di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sentiasa menjalankan penguatkuasaan terhadap penjualan air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi tidak berlesen.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Usah beli 'air tiruan'

Air zamzam dikategori air mineral semula jadi termaktub peraturan makanan

Bernama

Kuala Lumpur

Orang ramai dinasihati tidak membeli air yang dilabel sebagai air zamzam di pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, air zamzam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM setelah mendapat pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

"Dalam hal ini, kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan itu kerana air zamzam tidak boleh diperdagangkan.

"Justeru, tiada pengedar atau syarikat mendapat lesen bagi pengimportan dan penjualan air zamzam," katanya.

Beliau berkata, pihaknya melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sentiasa menjalankan penguatkuasaan terhadap penjualan air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi tidak berlesen.

"Dari 2012 sehingga kini, sejumlah air zamzam yang bernilai RM77,358.30 dirampas melalui penguatkuasaan yang

dijalankan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, mereka yang disabitkan kesiahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang tidak berlesen boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Sebelum ini, pada 24 Disember lalu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan cubaan tiga syarikat menyeludup masuk 112,560 liter air zamzam dianggarkan bernilai RM2.53 juta menerusi lima kontena dalam dua pemeriksaan di Pelabuhan Barat di sini.

Dalam pemeriksaan pertama 7 Oktober lalu, 38,850 liter air zamzam diisi dalam 3,885 botol 10 liter dianggarkan bernilai RM874,125 ditemui disorok dalam dua kontena diisytihar pengimportnya sebagai barang makanan dari Timur Tengah.

Dalam pemeriksaan kedua pada 16 Disember pula, 73,710 liter air zamzam diisi dalam 7,371 botol 10 liter dianggarkan bernilai RM1.65 juta ditemui dalam tiga kontena diisytihar oleh pengimportnya membawa barangan kelengkapan rumah.

Air zamzam adalah barang yang dilarang dieksport secara komersial oleh kerajaan Arab Saudi. Malah, tiga syarikat terlibat dalam kes ini tiada permit membawa masuk air zamzam daripada Jabatan Kesihatan Malaysia.



Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan berkenaan kerana air zam-zam tidak boleh diperdagangkan"

Dr Noor Hisham

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Tiada pihak dapat lesen eksport, jual air zam zam

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan tiada pihak termasuk pengedar atau syarikat yang mendapat lesen bagi pengimportan dan penjualan air zam zam berikutan larangan kerajaan Arab Saudi.

Ketua Pengarah KKM, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya di sini semalam berkata, air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

“Pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM setelah mendapat pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengekspor.

“Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan tersebut kerana air zam zam tidak boleh diperdagangkan,” katanya.

Menurutnya, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) sentiasa menjalankan penguatkuasaan ter-

hadap penjualan air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang tidak berlesen.

“Sejak 2012 sehingga kini, sejumlah air zam zam bernilai RM77,358.30 telah dirampas melalui hasil penguatkuasaan yang telah dijalankan.

“Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mereka yang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang tidak berlesen boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, KKM menasihati orang ramai supaya tidak membeli air yang dilabel sebagai air zam zam di pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan.



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : SINAR NEGERI

247 perokok kena kompaun

Nilai kompaun RM51,200 dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

SHAH ALAM

Sebanyak 247 notis kesalahan dengan nilai kompaun berjumlah RM51,200 dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor terhadap perokok dalam operasi penguatkuasaan larangan merokok sehingga Sabtu lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, daripada jumlah itu, lapan notis kesalahan melibatkan perokok bawah 18 tahun dengan satu notis melibatkan pemilikan rokok elektronik.

Menurutnya, operasi penguatkuasaan larangan merokok dijalankan serentak melibatkan 344 pegawai yang diberi kuasa ke atas 1,091 premis di negeri itu sejak Rabu lalu.

"Tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 (pindaan 2018)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Sha'ari berkata, sebanyak 52 notis kesalahan dengan kompaun bernilai RM13,000 dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12 (1)(a) dan 12 (1)(b) PPKHT 2004 kerana gagal memastikan tempat makan mereka bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok termasuk gagal mempamerkan larangan merokok secara jelas, menyediakan kemudahan merokok seperti bekas abu rokok serta perkhidmatan menjual shisha kepada pelanggan.

"Daripada jumlah itu, 47



Seorang perokok yang dikenakan kompaun ketika operasi penguatkuasaan larangan merokok di Klang semalam. Gambar kecil, Dr Sha'ari.

notis dikeluarkan kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok manakala selebihnya kerana menyediakan kemudahan merokok," katanya.

Terdahulu beliau berkata, mereka yang menerima notis kesalahan kerana merokok di tempat makan dikenakan kompaun sebanyak RM250 dan bagi

perokok bawah 18 tahun dikompaun sebanyak RM50.

Katanya, jumlah kompaun boleh dikurangkan kepada RM150 bagi kesalahan kali pertama dan bayaran dijelaskan di mana-mana pejabat kesihatan daerah dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kompaun diterima bagaimanapun, tiada pengurangan kompaun bagi kesalahan kali kedua dan pesalah boleh dikenakan kompaun RM350 jika kesalahan dilakukan kali ketiga antara Januari hingga Jun ini.

Dalam pada itu beliau berkata, perokok yang berhasrat berhenti merokok dialu-alukan mendapatkan khidmat nasihat di semua perkhidmatan merokok mQuit di semua klinik kesihatan dan hospital seluruh negara dengan mendapatkan maklumat serta berdaftar melalui laman sesawang <http://jomquit.moh.gov.my> atau hubungi talian 03-88834400 untuk maklumat lanjut.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : SINAR NEGERI

126 notis dalam lima hari

Daerah Dungun catatkan rekod kes paling tinggi kompaun kepada perokok

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT)

PEROKOK DI KEDAI MAKAN DIGEMPUR

mengeluarkan 126 notis pelbagai kesalahan dalam tempoh lima hari selepas larangan merokok di tempat makan dikuatkuasakan di seluruh negara bermula 1 Januari lalu.

Pengarahnya, Dr Nor Azimi Yunus berkata, daerah Dungun merekodkan kes paling tinggi iaitu 39 notis diikuti Kemaman (19), Kuala Terengganu (15), Hulu Terengganu dan Kuala Nerus masing-masing 14 notis dan 12 notis di Setiu.

“Bagi daerah Besut, sebanyak lapan notis dikeluarkan dan Marang merekodkan lima notis menjadikan keseluruhan notis berjumlah 126 sepanjang penguatkuasaan dilakukan di seluruh negeri,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Nor Azimi berkata, daripada jumlah itu sebanyak 106 notis kesalahan dikeluarkan kepada perokok di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 kerana merokok di tempat makan.

Katanya, pihaknya mengeluarkan 14 notis kepada pemilik premis kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok, dua notis kerana pemilik kedai menyediakan kemudahan merokok dan empat notis kepada perokok bawah umur dengan kompaun keseluruhan berjumlah RM30,700.



Pegawai penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu melakukan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan semalam. Gambar kecil, Dr Nor Azimi.

Bagi kesalahan pertama kompaun boleh dikurangkan kepada RM150 jika bayaran dijelaskan di mana-mana pejabat kesihatan daerah dalam tempoh sebulan.”

- Dr Nor Azimi

“Penguatkuasaan tersebut dijalankan di 1,872 premis seluruh negeri dalam tempoh lima hari membabitkan 283 pegawai penguat kuasa JKNT.

“Mereka yang telah menerima notis kesalahan merokok di tempat makan dikenakan kompaun sebanyak RM250. Bagi kesalahan pertama kompaun boleh dikurangkan kepada RM150 jika bayaran dijelaskan di mana-mana pejabat kesihatan daerah dalam tempoh sebulan.

“Tiada pengurangan diberikan jika kesalahan dilakukan kali kedua dan kompaun lebih tinggi iaitu sebanyak RM350 akan diberikan kepada mereka yang melakukan kesalahan kali ketiga dan seterusnya. Kita memohon kerjasama semua pihak agar mematuhi larangan merokok ini bagi memastikan kesihatan masyarakat,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

SMOKING BAN

SMOKERS, EATERIES FINED RM500,000

More than 29,000 premises inspected in first five days of enforcement, says Health D-G

SARAH RAHIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

IT has been less than a week since the smoking ban in eateries nationwide was enforced.

Yet, more than RM500,000 worth of compounds have been issued to errant smokers as well as restaurant operators who flouted the ruling since enforcement by the authorities began on Jan 1.

This is despite smokers and eateries having been given a year's notice to comply with the ruling.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said that in the first five days of enforcement, 29,903 premises were inspected.

Based on the inspections, 2,312 notices were issued to law-breakers, with RM554,400 in total fines.

From that total, 1,702 notices were issued to those smoking at eateries, 400 notices issued to eateries for not displaying no-smoking signs and 92 notices given to premises for providing amenities that enable smoking at their outlets.

The ministry, he said, also issued 118 notices involving smokers aged 18 and below.

Dr Noor Hisham, however, said the number of notices issued had been on a downward trend.

The first day of enforcement saw 708 notices issued, 393 on Jan 2 and 366 on Jan 3. However, it picked up again with 404 notices on Jan 4 and 441 on Jan 5.

"In summary, the five days of enforcement showed a decreasing trend on the issuance of notices. However, the ministry received 1,039 complaints on smoking at eateries via our 010-8608949 hotline number since enforcement came into force.

"We would like to express our gratitude to the public for cooperating with us and also for

premises' owners for complying with the rules," he said.

All food and beverage premises have been gazetted as non-smoking areas as required under the Control of Tobacco Products (Amendment) Regulations 2018.

Those found guilty can be fined up to RM10,000 or jailed up to two years under Regulation 11 of the Control of Tobacco Product Regulations 2004.

The ministry has since deployed 5,000 personnel to conduct enforcement action nationwide since Jan 1.

Dr Noor Hisham said the ban was not meant to "punish smokers" but was instead a preventive measure against complications that could arise from the habit.

"This is meant to safeguard the public from the detrimental effects of second-hand smoke," he said.

He said those keen to kick the habit could register with the ministry's MQuit programme, which aims to help smokers. Those interested can log on to <http://jomquit.moh.gov.my> or call 03-88834400 for more details.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'Sale of zamzam water prohibited'

PETALING JAYA: The Health Ministry advises the public to stop purchasing zamzam water locally.

In a statement yesterday, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham said he feared the zamzam water sold here is artificial.

If imported, it requires the Health Ministry's permit following Regulation 360A of the Food Regulations 1985 Act.

Although some traders claim it is imported from Mecca, Saudi Arabia has said that it had not licensed the product for export to Malaysia.

"Firstly, the Saudi government has not issued any validation and secondly, zamzam water cannot be traded," Noor Hisham said.

"Therefore, no distributor or company has been or is licensed to import or sell zamzam water here."

He brought up a statement made in December 2017 which said Saudi Arabia banned the sale of zamzam water in any store, including bookstores in Malaysia.

"The government of Saudi Arabia only allows free distribution of zamzam water to pilgrims and visitors for private use in limited quantities upon departure from Saudi Arabia.

"Therefore, the sale of zamzam water is prohibited."

He said his ministry has always upheld the law against the sale of unlicensed bottled water and natural mineral water.

Noor Hisham said those convicted of selling unlicensed bottled beverages, including mineral water, could be fined not more than RM10,000 or be jailed not more than two years.



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

2,300 SMOKERS, EATERIES FINED

KUALA LUMPUR: In just a week from Jan 1, a total of 2,312 notices with a compound value of RM554,400 were issued by the Health Ministry to smokers and eatery owners who violated the smoking ban. Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the notices were issued during checks conducted at 29,903 premises nationwide. He said 1,702 of the notices were issued for violating Regulation 11 (1) (d) of the Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2018 for smoking at an eatery. A total of 492 notices were issued to eatery owners; 400 for failing to display the no-smoking signage at their premises and 92 for providing smoking facilities at the premises. He said the remaining 118 notices were issued to underage smokers (those below 18 years old). Noor Hisham said the smoking ban is not intended to punish smokers, but prevent health complications caused by smoking to smokers as well as passive smokers. Smokers who want to quit the habit are urged to seek help at mQuit via <http://jomquit.moh.gov.my> or call 03-88834400. – Bernama